



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 3 TAHUN 2025

PINDAAN PERATURAN PENETAPAN KADAR PAKEJ BAGI PENGANJURAN TUGAS RASMI DAN KURSUS

Pejabat Bendahari

24 Februari 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (65)

24 Februari 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 3/2025

PINDAAN PERATURAN PENETAPAN KADAR PAKEJ BAGI PENGANJURAN TUGAS RASMI DAN KURSUS

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pindaan Peraturan Penetapan Kadar Pakej Bagi Penganjuran Tugas Rasmi Dan Kursus.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengguna pakai Peraturan Penentuan Kadar Kelayakan Individu Bagi Pengendalian Pakej Kursus Dan Bertugas Rasmi seperti mana yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab F Pembayaran.
- 2.2 Selaras dengan perkembangan Universiti, terdapat keperluan untuk mengkaji semula peraturan sedia ada bagi memastikan pelaksanaan pengurusan kewangan adalah selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- 2.3 Ini adalah termasuk mengguna pakai dengan pindaan Pekeliling Perbendaharaan WP1.11 berkaitan Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi Dalam Negara.

- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 10/2024 pada 20 Disember 2024 telah bersetuju meluluskan pindaan Peraturan Penetapan Kadar Pakej Bagi Penganjuran Tugas Rasmi Dan Kursus.

3.0 PINDAAN

- 3.1 **Penyedia kemudahan** adalah ditafsirkan seperti mana yang dinyatakan dalam Bab P Perolehan-Perolehan Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan, Perkara 2.0 Perolehan Bagi Kemudahan Latihan Secara Pakej, Perenggan 2.3.5 dan pindaannya dari semasa ke semasa.
- 3.2 **Kawasan Ibu Pejabat** adalah ditafsirkan sebagai suatu jarak lingkungan 25 kilometer yang dikira dari pejabat atau tempat biasa seseorang pegawai itu bertugas atau melaporkan diri untuk bertugas.
- 3.3 Kadar **pakej tanpa penginapan** bagi pegawai adalah mengikut kelayakan **elaun makan** pegawai manakala kadar **pakej dengan penginapan** bagi pegawai adalah mengikut kelayakan **elaun makan** dan **bayaran sewa hotel pegawai** (rujukan kelayakan seperti mana ditetapkan dalam Bab F Pembayaran, peraturan di perenggan 2.2 berkaitan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi dan 2.3 berkaitan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Semasa Berkursus serta pindaannya dari semasa ke semasa).
- 3.4 Kadar **pakej tanpa penginapan** dan kadar **pakej dengan penginapan** bagi Jemputan Luar yang bukan penjawat awam adalah mengikut kadar pakej penyedia kemudahan.
- 3.5 Kadar **pakej tanpa penginapan** bagi pelajar adalah mengikut kadar **bayaran bantuan makan** manakala kadar **pakej dengan penginapan** bagi pelajar adalah mengikut kadar **bayaran bantuan makan** dan **bayaran bantuan penginapan** (rujukan kadar seperti mana ditetapkan dalam Bab

F Pembayaran, peraturan di perenggan 12.2 dan pindaannya dari semasa ke semasa).

- 3.6 Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah tidak termasuk dalam kelayakan pegawai.
- 3.7 Bayaran perkhidmatan, cukai kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan layak dikira sebagai bayaran tambahan.
- 3.8 Pengiraan kadar pakej seorang (per pax) bagi penganjuran kursus tanpa penginapan dan kursus dengan penginapan yang berunsurkan **penjanaan pendapatan** dan menggunakan sumber peruntukan Tabung Amanah adalah tertakluk kepada kadar pakej yang ditawarkan oleh penyedia kemudahan.
- 3.9 Sekiranya kursus atau program berbentuk tugas rasmi yang dianjurkan di dalam Kawasan Ibu Pejabat, pegawai hanya layak disediakan makan/minum sahaja dan tidak dibenarkan disediakan penginapan. Walau bagaimanapun, penginapan boleh disediakan kepada Jemputan Luar tertakluk kepada keperluan mendesak.
- 3.10 PTj hendaklah memastikan **sebut harga pakej** yang dikemukakan oleh penyedia kemudahan telah dipecahkan nilai **penginapan, makan/minum** dan **sewaan kemudahan** bagi memudahkan urusan pengiraan kelayakan.
- 3.11 Contoh pengiraan kadar pakej tanpa penginapan dan dengan penginapan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.12 Borang Permohonan Kelulusan Melebihi Kadar Pakej adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 3.13 Peraturan Penetapan Kadar Pakej Bagi Penganjuran Tugas Rasmi Dan Kursus yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:

4.0 PEMBATALAN

- 4.1 Pindaan peraturan ini akan membatalkan peraturan sedia ada dalam PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 15.2 Penentuan Kadar Kelayakan Individu Bagi Pengendalian Pakej Kursus Dan Bertugas Rasmi.

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 5.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Lampiran 1A

CONTOH PENGIRAAN KADAR PAKEJ TANPA PENGINAPAN

BIL.	NAMA PESERTA	GRED	ELAUN MAKAN (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	PAKEJ MAKAN/MINUM HOTEL (SEBUT HARGA HOTEL)	JUMLAH SEBENAR MELEBIHI KELAYAKAN (RM)	CATATAN LEBIH KELAYAKAN
			(A)	(B)	C= (B) - (A)	(D)
1	En. Ali bin Muhammad	14	85.00	80.00	-	TIDAK
2	En. Ahmad bin Abu	11	60.00	80.00	20.00	YA
3	Pn. Rogayah binti Talib	11	60.00	80.00	20.00	YA
4	Pn. Maimunah binti Osman	9	45.00	80.00	35.00	YA
5	Pn. Aini binti Aman	5	40.00	80.00	40.00	YA
6	Pn. Maria binti Taib	5	40.00	80.00	40.00	YA
7	Pn. Salmah binti Abu	1	40.00	80.00	40.00	YA
8	En. Aliff bin Umar (pegawai Syarikat ABC Sdn. Bhd.)	Jemputan luar	80.00	80.00	-	TIDAK
9	Pn. Amirah binti Mohd	Pelajar	15.00	80.00	65.00	YA
JUMLAH SEBENAR MELEBIHI KELAYAKAN					260.00	

Nota:

1. **Pakej mesyuarat/seminar** di atas adalah berjumlah **RM130/pax tanpa cukai** merangkumi kos makanan dan minuman berjumlah **RM80** serta sewaan kemudahan berjumlah **RM50**. Justeru, PTj perlu memastikan sebut harga pakej mesyuarat/seminar berkenaan telah dipecahkan kos makan/minum serta sewaan kemudahan bagi tujuan perbandingan dengan kelayakan elaun makan. Sila kosongkan ruangan Jumlah sebenar melebihi kelayakan (RM) sekiranya pakej makan/minum hotel lebih rendah daripada kelayakan Elaun Makan pegawai.
2. Kadar jemputan luar yang bukan penjawat awam adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh penyedia kemudahan (hotel).
3. Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah tidak termasuk dalam kelayakan pegawai.
4. Bayaran perkhidmatan, cukai kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan layak dikira sebagai bayaran tambahan.
5. Jumlah Sebenar Melebihi Kelayakan adalah berjumlah **RM260** dan PTj perlu mendapatkan kelulusan Bendahari sebelum majlis berlangsung.

Lampiran 1B

CONTOH PENGIRAAN KADAR PAKEJ TANPA PENGINAPAN (PAKEJ LUMP SUMP)

BIL.	NAMA PESERTA	GRED	ELAUN MAKAN (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	PAKEJ KESELURUHAN MESYUARAT/SEMINAR (SEBUT HARGA HOTEL)	JUMLAH MELEBIHI KELAYAKAN (RM)	CATATAN LEBIH KELAYAKAN
			(A)	(B)	C= (B) - (A)	(D)
1	En. Ali bin Muhammad	14	85.00	120.00	35.00	YA
2	En. Ahmad bin Abu	11	60.00	120.00	60.00	YA
3	Pn. Rogayah binti Talib	11	60.00	120.00	60.00	YA
4	Pn. Maimunah binti Osman	9	45.00	120.00	75.00	YA
5	Pn. Aini binti Aman	5	40.00	120.00	80.00	YA
6	Pn. Maria binti Taib	5	40.00	120.00	80.00	YA
7	Pn. Salmah binti Abu	1	40.00	120.00	80.00	YA
8	En. Aliff bin Umar (pegawai Syarikat ABC Sdn. Bhd.)	Jemputan luar	120.00	120.00	-	TIDAK
9	Pn. Amirah binti Mohd	Pelajar	15.00	120.00	105.00	YA
			JUMLAH MELEBIHI KELAYAKAN		575.00	
			(-) SEWAAN KEMUDAHAN (DEWAN/KEMUDAHAN LAIN) TANPA PAKEJ		(500.00)	
			JUMLAH SEBENAR MELEBIHI KELAYAKAN		75.00	

Nota:

- Pakej mesyuarat/seminar** di atas adalah berjumlah **RM120/pax tanpa cukai** merangkumi kos makanan dan minuman serta sewaan kemudahan (*lump sump*). Sekiranya sebut harga pakej mesyuarat/seminar berkenaan tidak dapat dipecahkan kos makan/minum serta sewaan kemudahan, PTj perlu mendapatkan sewaan kemudahan tanpa pakej daripada penyedia kemudahan (hotel).
- Kadar jemputan luar yang bukan penjawat awam adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh penyedia kemudahan (hotel).
- Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah tidak termasuk dalam kelayakan pegawai.
- Bayaran perkhidmatan, cukai kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan layak dikira sebagai bayaran tambahan.
- Jumlah Sebenar Melebihi Kelayakan adalah berjumlah **RM75** dan PTj perlu mendapatkan kelulusan Bendahari sebelum majlis berlangsung.

Lampiran 1C

CONTOH PENGIRAAN KADAR PAKEJ DENGAN PENGINAPAN

BIL.	NAMA PESERTA	GRED	KELAYAKAN BAYARAN SEWA HOTEL (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	ELAUN MAKAN (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	JUMLAH KELAYAKAN (RM)	PAKEJ PENGINAPAN HOTEL (BERDASARKAN SEBUT HARGA HOTEL) (RM)	PAKEJ MAKAN/MINUM HOTEL (BERDASARKAN SEBUT HARGA HOTEL)	JUMLAH KESELURUHAN PAKEJ HOTEL (RM)	JUMLAH MELEBIHI KELAYAKAN (RM)	CATATAN LEBIH KELAYAKAN	CATATAN
			(A)	(B)	C= (A) + (B)	(D)	(E)	F= (D) + (E)	G= (F) - (C)	(H)	
1	En. Ali bin Muhammad	14	230.00	85.00	315.00	230.00	70.00	300.00	-	TIDAK	
2	En. Ahmad bin Abu	11	240.00	60.00	300.00	230.00	70.00	300.00	-	TIDAK	
3	Pn. Rogayah binti Talib	11	240.00	60.00	300.00	230.00	70.00	300.00	-	TIDAK	
4	Pn. Maimunah binti Osman	9	220.00	45.00	265.00	230.00	70.00	300.00	35.00	YA	
5	Pn. Aini binti Aman	5	200.00	40.00	480.00	230.00	70.00	370.00	-	TIDAK	Berkongsi bilik
6	Pn. Maria binti Taib	5	200.00	40.00			70.00		-	TIDAK	
7	Pn. Salmah binti Abu	1	180.00	40.00	220.00	230.00	70.00	300.00	80.00	YA	
8	En. Aliff bin Umar (pegawai Syarikat ABC Sdn. Bhd.)	Jemputan luar	-	-	300.00	230.00	70.00	300.00	-	TIDAK	
9	Pn. Amirah binti Mohd	Pelajar	50.00	15.00	65.00	230.00	70.00	300.00	235.00	YA	
JUMLAH SEBENAR MELEBIHI KELAYAKAN									350.00		

Nota:

1. Pakej penginapan hotel di atas adalah berjumlah **RM230/pax tanpa cukai**. Sekiranya pakej penginapan telah termasuk cukai, PTj perlu mengira harga bilik tanpa cukai. Pegawai dibenarkan untuk berkongsi bilik dengan pegawai yang lain sekiranya pakej penginapan hotel melebihi kelayakan pegawai dan PTj perlu menyatakan dalam ruangan catatan yang disediakan. Sila kosongkan ruangan lebih kelayakan (RM) sekiranya pakej penginapan dan makan/minum hotel lebih rendah daripada kelayakan Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Makan pegawai.
2. **Pakej mesyuarat/seminar** di atas adalah berjumlah **RM120/pax tanpa cukai** merangkumi kos makanan dan minuman berjumlah **RM70** serta sewaan kemudahan berjumlah **RM50**. Justeru, PTj perlu memastikan sebut harga pakej mesyuarat/seminar berkenaan telah dipecahkan kos makan/minum serta sewaan kemudahan bagi tujuan perbandingan dengan kelayakan elaun makan.
3. Kadar jemputan luar yang bukan penjawat awam adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh penyedia kemudahan (hotel).
4. Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah tidak termasuk dalam kelayakan pegawai.
5. Bayaran perkhidmatan, cukai kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan layak dikira sebagai bayaran tambahan.
6. Jumlah Sebenar Melebihi Kelayakan adalah berjumlah **RM350** dan PTj perlu mendapatkan kelulusan Bendahari sebelum majlis berlangsung.

Lampiran 1D

CONTOH PENGIRAAN KADAR PAKEJ DENGAN PENGINAPAN (PAKEJ LUMP SUMP)

BIL.	NAMA PESERTA	GRED	KELAYAKAN BAYARAN SEWA HOTEL (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	ELAUN MAKAN (BERDASARKAN KELAYAKAN) (RM)	JUMLAH KELAYAKAN (RM)	PAKEJ PENGINAPAN HOTEL (BERDASARKAN SEBUT HARGA HOTEL) (RM)	PAKEJ KESELURUHAN MESYUARAT/SEMINAR (BERDASARKAN SEBUT HARGA HOTEL)	JUMLAH KESELURUHAN PAKEJ HOTEL (RM)	JUMLAH MELEBIHI KELAYAKAN (RM)	CATATAN LEBIH KELAYAKAN	CATATAN
			(A)	(B)	C= (A) + (B)	(D)	(E)	F= (D) + (E)	G= (F) - (C)	(H)	
1	En. Ali bin Muhammad	14	230.00	85.00	315.00	230.00	120.00	350.00	35.00	YA	
2	En. Ahmad bin Abu	11	240.00	60.00	300.00	230.00	120.00	350.00	50.00	YA	
3	Pn. Rogayah binti Talib	11	240.00	60.00	300.00	230.00	120.00	350.00	50.00	YA	
4	Pn. Maimunah binti Osman	9	220.00	45.00	265.00	230.00	120.00	350.00	85.00	YA	
5	Pn. Aini binti Aman	5	200.00	40.00	480.00	230.00	120.00	470.00	-	TIDAK	Berkongsi bilik
6	Pn. Maria binti Taib	5	200.00	40.00	220.00	230.00	120.00	350.00	-	TIDAK	
7	Pn. Salmah binti Abu	1	180.00	40.00	220.00	230.00	120.00	350.00	130.00	YA	
8	En. Aliff bin Umar (pegawai Syarikat ABC Sdn. Bhd.)	Jemputan luar	-	-	350.00	230.00	120.00	350.00	-	TIDAK	
9	Pn. Amirah binti Mohd	Pelajar	50.00	15.00	65.00	230.00	120.00	350.00	285.00	YA	
JUMLAH MELEBIHI KELAYAKAN									635.00		
(-) SEWAAN KEMUDAHAN (DEWAN/KEMUDAHAN LAIN) TANPA PAKEJ									(500.00)		
JUMLAH SEBENAR MELEBIHI KELAYAKAN									135.00		

Nota:

1. Pakej penginapan hotel di atas adalah berjumlah **RM230/pax tanpa cukai**. Sekiranya pakej penginapan telah termasuk cukai, PTJ perlu mengira harga bilik tanpa cukai. Pegawai dibenarkan untuk berkongsi bilik dengan pegawai yang lain sekiranya pakej penginapan hotel melebihi kelayakan pegawai dan PTJ perlu menyatakan dalam ruangan catatan yang disediakan. Sila kosongkan ruangan lebih kelayakan (RM) sekiranya pakej penginapan dan makan/minum hotel lebih rendah daripada kelayakan Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Makan pegawai.
2. **Pakej mesyuarat/seminar** di atas adalah berjumlah **RM120/pax tanpa cukai** merangkumi kos makanan dan minuman serta sewaan kemudahan. Sekiranya sebut harga pakej mesyuarat/seminar berkenaan tidak dapat dipecahkan kos makan/minum serta sewaan kemudahan, PTJ perlu mendapatkan sewaan kemudahan tanpa pakej daripada penyedia kemudahan (hotel).
3. Kadar jemputan luar yang bukan penjawat awam adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh penyedia kemudahan (hotel).
4. Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah tidak termasuk dalam kelayakan pegawai.
5. Bayaran perkhidmatan, cukai kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan layak dikira sebagai bayaran tambahan.
6. Jumlah Sebenar Melebihi Kelayakan adalah berjumlah **RM135** dan PTJ perlu mendapatkan kelulusan Bendahari sebelum majlis berlangsung.

